

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kementerian pendidikan telah merancang dan menyusun langkah-langkah untuk memperbaiki, memperkuuh serta mempertingkatkan mutu pendidikan negara. Ini adalah usaha kementerian untuk melahirkan individu yang mempunyai keupayaan dan berpotensi untuk membantu negara dalam menjayakan cita-cita negara mencapai taraf negara maju pada tahun 2020. Selain Kementerian Pendidikan Malaysia pihak-pihak lain juga seperti pihak sekolah, para guru serta institusi-institusi yang berkaitan telah berganding bahu membantu kerajaan dalam membentuk individu khususnya remaja yang berketerampilan yang mampu mendukung tugas berat negara bagi mencapai Wawasan 2020.

Matlamat pendidikan ini tidak akan tercapai jika pelajar hari ini tidak berusaha membentuk akhlak mulia. Di sekolah masalah disiplin di kalangan pelajar remaja telah menjadi satu isu yang hangat. Daripada laporan akhbar dari semasa ke semasa tentang masalah disiplin di sekolah, memang diakui kemerosotan disiplin pelajar. Ada laporan kes pelajar yang ponteng sekolah, mencuri harta benda sekolah, menjadi ahli kongsi gelap dan bergiat mengugut pelajar. Iain, memukul guru, menonton video luah, berjudi, berkelakuan sumbang di tempat-tempat awam malah ada yang terlibat dalam pelacuran.

Kesemua gejala di atas menunjukkan bahawa kemerosotan moral di kalangan pelajar kita adalah tenat. Malah perkara atau perbuatan tidak bermoral ini tidak terbatas di dalam sekolah sahaja, malah menjadi isu yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat keseluruhannya. Dalam kaji selidik yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 1994 ke atas 5860 orang remaja, didapati 71% merokok, 40% meminum minuman keras dan 14% mengambil dadah. Sehubungan itu dapat dibuat kesimpulan bahawa isu disiplin di sekolah suatu masalah serius yang tidak wajar diketepikan begitu sahaja.

Kemelut disiplin dan keruntuhan nilai moral di kalangan pelajar belum mendapat satu penyelesaian walaupun masalah ini telah lama disedari. Peratusan pelajar yang melibatkan diri dalam masalah disiplin meningkat setiap tahun dan adakalanya peratusan ini amat menakutkan. Malah kecenderungan pelajar melanggar peraturan sekolah, enggan menerima nasihat dan tidak mempedulikan amaran menunjukkan bahawa keluarga dan sekolah tidak lagi dapat mengawal tingkah laku mereka.

Pengaruh Rakan Sebaya, Sekolah dan Keluarga

(a) Pengaruh Rakan Sebaya.

Rakan sebaya adalah orang yang paling rapat dan penting dalam mencorak kehidupan remaja di luar rumah. Rakan sebaya menjadi model dalam kehidupan

seseorang anak yang tidak diawasi oleh ibu bapa dan ini akan menyebabkan mereka lebih banyak bergantung kepada rakan sebaya untuk mendapat hiburan dan perlindungan. Remaja merasakan mereka perlu lebih akur dengan kehendak rakan sebaya agar mereka dapat diterima dan diberi pengiktirafan. Dengan penerimaan ini akan memperkuuhkan hubungan antara ahli dalam kumpulan.

Kajian Faridah Embong (1989) mendapati bahawa rakan sebaya saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain. Beliau dapati pelajar akan lebih berani dan merasa amat seronok bila melakukan perbuatan salah laku secara bersama-sama. Mereka juga menjadi lebih yakin dan merasa lebih kuat bila melakukan secara bersama-sama. Kajian ini menunjukkan bahawa kerjasama dan sokongan padu daripada rakan sebaya menjadi motivasi kepada seseorang remaja.

(b) Pengaruh Sekolah

Menyentuh tentang pengaruh sekolah guru merupakan orang yang terpenting. Guru boleh menjadi penyebab utama pelajar terlibat dalam perbuatan salah laku di sekolah. Kelemahan guru seperti kurang daya inisiatif, kurang bermotivasi, kurang kreatif, tidak membuat persediaan mengajar, bersikap ekstrim dalam melaksanakan arahan dan peraturan sama ada terlalu keras atau terlalu lembut menjadikan murid tidak berminat dengan sekolah. Pelajar yang tidak mempunyai komitmen dan minat terhadap sekolah akan mudah melanggar disiplin sekolah. Raven (1977) mendapati

bahawa bila pelajar tidak berminat dalam satu-satu mata pelajaran dan jika guru pula tidak berusaha untuk menarik minat pelajar tersebut. Mereka akan hilang semangat belajar dan ini menyebabkan mereka sering ponteng dan terlibat dalam perbuatan salah laku.

Sikap guru sangat penting dalam menjaga disiplin sekolah. Pelajar akan merasa tertekan emosinya seperti bimbang dan takut andainya guru mengamalkan budaya autokratik dan dominan. Keupayaan pelajar untuk menerima pelajaran akan terganggu. Sikap dan persahabatan yang tidak sihat juga boleh menyebabkan timbulnya masalah disiplin. Perhubungan yang tidak sihat sepatutnya tidak digalakkan kerana boleh mewujudkan kelompok tertutup dan pengasingan akan berlaku. Guru perlu melibatkan semua pelajar dan memberi peluang yang sama untuk menikmati kejayaan. Suasana sosioemosi yang sihat, tenteram dan harmonis akan menyediakan suasana yang menggalakkan pengajaran dan pembelajaran.

(c) Pengaruh Keluarga.

Remaja atau pelajar secara khususnya yang terlibat dalam masalah disiplin bukan sahaja datang daripada keluarga yang susah kehidupannya, malah sebilangan signifikan adalah di antara mereka yang mempunyai latarbelakang keluarga yang baik dan berada. Justeru itu, boleh diandaikan bahawa salah satu punca keruntuhan akhlak dan masalah disiplin ialah kemerosotan dari segi asuhan, didikan, bimbingan

dan kawalan oleh ibu bapa atau penjaga. Tekanan hidup, kesibukan kerja, mengejar kemewahan serta aktiviti sosial menyebabkan ibu bapa dan anak kurang mempunyai masa atau kesempatan untuk bercakap, berbincang, berdamping antara satu sama lain dan malah jarang berpeluang bersua muka. Ibu bapa tidak dapat memberi asuhan dan didikan, sementara remaja itu pula tidak mendapat perhatian, bimbingan dan panduan hidup sempurna.

Ibu bapa tidak sekali-kali boleh mengabaikan sikap tegas semasa menjalankan disiplin dalam rangka pendidikan anak-anak mereka. Jika seseorang ibubapa tidak dapat memainkan peranan yang betul dalam mendisiplinkan anak mereka ianya akan membawa masalah bukan sahaja kepada keluarga itu sendiri tetapi kepada mesyarakat keseluruhannya.

Keluarga yang terlalu mewah cara hidupnya juga menyebabkan keruntuhan disiplin anak remaja. Sebagai contoh ibu bapa yang terlalu memanjakan anak-anak kerap memberikan wang saku yang terlalu banyak. Ini menyebabkan mereka mudah dipengaruhi oleh remaja lain untuk bersuka-suka. Kesan pergaulan bebas dan terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya yang rosak akhlak akan memburukkan lagi keadaan. Juga sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang kelakuan dan pergaulan anak mendorong mereka kepada akhlak yang rosak.

Menurut Hasan Hj. Mohd. Ali (1994) pengaruh ibu bapa sangat penting dalam mengawal disiplin anak-anak mereka. Terdapat ibubapa yang membuat kesilapan dalam mendidik anak-anak mereka berpunca daripada kejahilan mereka sendiri. Kejahilan mendidik anak bukan hanya melanda ibu bapa golongan bawahan malahan begitu luas di kalangan ibubapa yang berlatar belakangkan masyarakat pertengahan dan atasan. Sebahagian mereka terdiri daripada golongan profesional tetapi dalam hal mendidik anak mereka mengambil sikap dan cara yang paling tidak profesional. Sikap ini bukan sahaja dapat dikaitkan dengan kedaifan ilmu keibubapaan malah keengganan secara terbuka sebahagian daripada mereka untuk mentelaah ilmu pengurusan kekeluargaan dan ke ibubapaan. Ini telah menyebabkan anak-anak yang tidak diasuh dengan betul menjadi liar dan melibatkan diri dalam masalah disiplin.

Peranan keluarga sebagai pembimbing anak-anak untuk mengatasi masalah disiplin adalah amat penting. Menurut Malek Murad (1986) anak-anak yang tidak pernah mengecapi kasih sayang sudah tentu tidak dapat pula memberikan kasih sayang kepada orang lain. Akibat itu timbul masalah anak-anak tidak menghormati ibubapa, pelajar tidak menghormati guru dan ramai pula yang tidak mengendahkan orang yang lebih tua. Kemuncak daripada keadaan ini semua ialah timbulnya masalah disiplin yang meruncing dan seterusnya meningkatkan kadar jenayah juvana. Keluarga yang bahagia dapat memberikan sepenuh kasih sayang dan perhatian kepada anak-anak dan ciri inilah yang amat diperlukan oleh anak-anak.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Masalah kemerosotan disiplin pelajar sekolah hari ini menjadi berita hangat yang dibincang di akhbar-akhbar. Ia bukan melibatkan pihak sekolah malah melibatkan semua pihak. Mengikut kajian oleh Unit Disiplin Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) seramai 45,045 orang pelajar sekolah terlibat dalam perbuatan salah laku. Jadual 1 memaparkan statistik yang jelas menunjukkan bahawa bilangan remaja yang ditangkap atas beberapa jenis kesalahan meningkat dari tahun ke tahun.

Jadual 1

Data Tangkapan Remaja Bagi Kesalahan Jenayah Kekerasan Dan Jenayah Harta Benda Bagi Tempoh 1994-1996

Jenis Kesalahan	1994	1995	1996
Bunuh	11	6	22
Cuba Bunuh	1	1	4
Samun	51	58	86
Rogol	66	70	95
Mencederakan Orang	103	154	156
Jumlah	232	289	363

Sumber : Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

Utusan Malaysia (26 Ogos 1997)

Jadual 2 menunjukkan 10 jenis salah laku yang paling kerap dilakukan oleh pelajar sekolah menengah sepanjang tahun 1995. Ponteng kelas merupakan salah laku yang utama di sekolah menengah yang melibatkan pelajar sebanyak 2.54%. Kesalahan lain yang agak serius ialah ponteng sekolah iaitu sebanyak 1.91% dan datang lewat sebanyak 1.35%.

Jadual 2

10 Jenis Salah Laku Yang Paling Kerap Dilakukan Oleh Pelajar Sekolah Menengah Sepanjang 1995

Ponteng kelas	2.54%
Ponteng sekolah	1.91%
Datang lewat	1.35%
Pakaian tidak ikut peraturan	0.82%
Berambut panjang	0.77%
Menghisap rokok	0.73%
Ganggu pengajaran	0.47%
Tidak hormat guru	0.34%
Berkuku panjang	0.31%
Kasar dengan rakan	0.29%

Nota : Bilangan sampel ialah 1,076 969 pelajar sekolah menengah.

Sumber : Utusan Malaysia (21 Mac 1994)

Perbuatan salah laku di kalangan pelajar sekolah tidak berlaku sewenang-wenangnya tanpa mempunyai sebab-sebab tertentu. Tambahan pula masalah disiplin di kalangan pelajar India telah menjadi satu isu yang sangat serius pada masa ini. Pengaruh seperti rakan sebaya, sekolah dan keluarga sering dianggap mempunyai pengaruh yang kuat dalam membawa masalah disiplin ini. Persoalan inilah yang telah menarik minat pengkaji untuk menyelidik secara mendalam tentang pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga.

Pengetahuan tentang pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga dalam membawa masalah disiplin di kalangan pelajar India akan memberi kefahaman kepada guru tentang latar belakang seseorang pelajar dan memahami masalah mereka. Ini membolehkan kaunselor dan pihak sekolah merancang program tertentu bagi mencegah salah laku di sekolah.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat pengaruh sekolah, keluarga dan rakan sebaya dalam mempengaruhi seseorang pelajar terlibat dalam masalah disiplin. Pengkaji juga ingin melihat perkaitan di antara pengaruh-pengaruh tersebut dalam mencetuskan masalah disiplin.

Pengkaji menjalankan kajian kes ke atas 3 orang pelajar India yang telah dikenal pasti terlibat dalam perbuatan salah laku di sebuah sekolah menengah.

1.4 SOALAN KAJIAN.

1. Bagaimanakah pengaruh rakan sebaya memainkan peranan dalam membawa masalah disiplin di kalangan pelajar India?
2. Bagaimanakah pengaruh sekolah memainkan peranan dalam membawa masalah disiplin di kalangan pelajar India?
3. Bagaimanakah pengaruh keluarga memainkan peranan dalam membawa masalah disiplin di kalangan pelajar India?
4. Apakah kaitan pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga dalam membawa masalah disiplin di kalangan pelajar India?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian tentang pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga di kalangan pelajar India dapat membantu guru disiplin serta pihak sekolah dalam menentukan sebab-sebab utama pelajar India melibatkan diri dalam tingkah laku yang tidak berdisiplin.

Hasil kajian ini juga di jangka dapat membantu pihak sekolah dalam menyediakan program-program tertentu untuk menghalang pelajar-pelajar India daripada melibatkan diri dalam tindakan-tindakan yang tidak baik. Guru-guru juga

dapat memahami masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar-pelajar India serta dapat menyesuaikan diri dalam membantu mereka.

Bahagian kaunseling sekolah serta guru disiplin sekolah dapat menggunakan maklumat yang diperolehi melalui kajian ini untuk mengambil tindakan yang lebih sesuai. Budaya bangsa India dalam menangani masalah ini dapat membantu kedua-dua pihak ini membuat pendekatan yang berkesan dalam membantu pelajar-pelajar India yang mempunyai masalah disiplin.

Guru-guru sekolah dapat menggunakan kajian ini sebagai panduan yang baik untuk mendekatkan diri mereka dengan pelajar-pelajar India serta dapat merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kehendak pelajar-pelajar India.

Hasil kajian ini juga dijangka dapat memberikan kesedaran kepada ibu bapa tentang masalah sebenar yang dihadapi oleh anak-anak mereka serta pentingnya pengasuhan yang betul dalam mendisiplinkan anak-anak. Ibu bapa juga tidak akan terburu-buru serta mengambil tindakan keras ke atas anak-anak yang melakukan kesalahan. Tetapi sebaliknya membetulkan anak mereka dengan limpahan kasih sayang yang sebenar serta memberi perhatian yang penuh kepada anak-anak mereka.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini adalah satu kajian yang hanya melibatkan sebuah sekolah sahaja. Sampel yang dipilih adalah terlalu sedikit iaitu tiga orang sahaja dan sampel ini mempunyai kedudukan sosial yang lebih kurang sama.. Oleh itu hasil kajian ini tidak boleh dijadikan sebagai satu hasil yang meliputi bagi seluruh pelajar India. Kajian ini juga hanya mengambil kira tiga faktor iaitu pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga. Oleh yang dekikian hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh pelajar India kerana memang terdapat banyak faktor lain yang mempengaruhi masalah disiplin pelajar India.

Selain dari itu sampel kajian ini adalah terdiri daripada pelajar India sahaja. Maklumat yang diperolehi tidak dapat menjelaskan hal yang sebenar tentang masalah disiplin kepada pelajar-pelajar perempuan India.

Kajian ini juga tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar yang berlainan bangsa kerana kajian ini hanya bertumpu kepada 3 orang pelajar India lelaki sahaja.

1.7 DEFINISI ISTILAH

(a) Keluarga

Mengikut Marimuthu (1990) keluarga adalah sebagai satu kumpulan penghuni yang terdiri daripada suami isteri serta anak-anak yang mempunyai peranan tersendiri dalam interaksi di antara mereka. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan definisi keluarga untuk menerangkan dari segi peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli keluarga dalam mendisiplinkan anak-anak. Istilah keluarga juga digunakan dengan bertujuan melihat suasana keluarga, interaksi peserta dengan kedua ibubapa serta ahli keluarga yang lain.

(b) Konsep Disiplin

Secara umum disiplin ialah peraturan-peraturan yang dipersetujui oleh sesuatu kelompok atau badan masyarakat bagi mewujudkan tingkah laku yang baik demi kesempurnaan kehidupan masyarakat itu. Disiplin juga adalah cara berfikir yang teratur yang melahirkan sifat rasional, keyakinan diri dan ketabahan hati seseorang.

/ Menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979), disiplin ialah ".....kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari

luar atau dengan kerelaan sendiri..... kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak orang lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak menganggu kepentingan orang lain, kesanggupan hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain dan mempunyai semangat tolong menolong dan kesanggupan membaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat."

(c) Rakan sebaya

Mengikut Wagner (1971) rakan sebaya adalah satu kumpulan yang tidak mempunyai keahlian yang formal. Kumpulan ini mempunyai status yang lebih kurang sama dan mengambil bahagian dalam aktiviti yang sama dengan peranan dan norma yang membezakan mereka daripada yang lain dalam sistem sosial.

Pengkaji dalam kajian ini ingin melihat kegiatan peserta kajian dengan rakan sebaya dan tempat serta masa mereka bertemu. Pengkaji juga ingin melihat pengaruh rakan sebaya terhadap peserta dalam melibatkan diri dalam tingkahlaku-tingkahlaku yang membawa kepada masalah disiplin.

(d) Sekolah.

Sekolah dalam kajian ini adalah tempat peserta kajian mendapat pelajaran. Hubungan guru dengan peserta akan dikaji. Persekutaran sekolah yang terletak berhampiran dengan kompleks perniagaan juga akan dilihat dalam mempengaruhi masalah disiplin peserta. Termasuk juga dalam definisi sekolah adalah masalah kesukaran peserta dalam memahami pelajaran yang diajar serta kelemahan dalam Bahasa Melayu.

(d) Keluarga

Mengikut Marimuthu (1990) keluarga adalah sebagai satu kumpulan penghuni yang terdiri daripada suami isteri serta anak-anak yang mempunyai peranan tersendiri dalam interaksi di antara mereka. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan definisi keluarga untuk menerangkan dari segi peranan yang di mainkan oleh ahli-ahli keluarga dalam membawa disiplin anak-anak. Istilah keluarga juga digunakan dengan bertujuan melihat suasana keluarga, interaksi peserta kajian dengan kedua ibubapa serta ahli keluarga yang lain.